



**LEMBAGA PELABUHAN KELANG**  
**(PORT KLANG AUTHORITY)**  
Beg Berkunci 202,  
Jalan Pelabuhan Utara,  
42005 Pelabuhan Klang  
SELANGOR DARUL EHSAN, MALAYSIA.

Tel: 603-3168 8211  
Fax: 603-3168 9117  
603-3168 8228  
603-3168 8229  
603-3167 0211

Web: <http://www.pka.gov.my>  
Email: [onestopagency@pka.gov.my](mailto:onestopagency@pka.gov.my)

**MS ISO 9001 : 2015 REG.NO: AR3579**

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami: LPK: PB/600-4/1 Jilid3 (17)

Tarikh : 14 Jun 2021

## **EDARAN KEPADA**

### **I. SEMUA SYARIKAT HAULIER**

YBhg. Dato' /Tuan/Puan,

## **PEKELILING PENGURUS BESAR LEMBAGA PELABUHAN KELANG NO. 13/2021**

### **PENUBUHAN *TRAFFIC RESPONSE TEAM* PELABUHAN KELANG**

Saya dengan segala hormatnya ingin menarik perhatian YBhg. Dato'/Tuan/Puan berhubung perkara di atas.

2. Seperti mana pihak YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan sedia maklum, kesesakan jalanraya di Pelabuhan Klang berlaku setiap hari yang antaranya disebabkan oleh kemalangan dan kerosakan kenderaan terutamanya melibatkan kenderaan logistik. Kesesakan jalanraya yang lama bukan sahaja akan mengganggu operasi pelabuhan dan urusan penghantaran masuk/ keluar dagangan ke/dari pelabuhan malah akan juga menjejaskan operasi pelbagai syarikat dan industri yang berada di sekitar kawasan pelabuhan dan menyebabkan kerugian yang besar. LPK mendapati purata kerosakan kenderaan logistik di Pelabuhan Klang adalah sebanyak 12 kes sebulan dimana kebanyakannya melibatkan/berpunca dari lori haulier.

3. Sehubungan itu, satu inisiatif diwujudkan dalam usaha memberi kelancaran trafik di jalanraya sekitar Pelabuhan Klang bagi membolehkan proses penghantaran/pelepasan kontena/kargo dapat dilakukan mengikut masa yang telah ditetapkan. Usaha ini telah digerakkan sejak tahun 2016 lagi, dimana pada awalnya satu medan rasmi (*Whatsapp Group- Info Trafik Pel. Klang*) bagi perkongsian maklumat kesesakan jalanraya secara pantas kepada pengguna pelabuhan khususnya pemandu haulier diwujudkan. Pada tahun 2018, Jawatankuasa Pemandu Operasi Pelabuhan Klang pihak LPK bersama terminal Northport dan Westports serta Persatuan Haulier Malaysia (AMH) telah bersetuju bagi mengambil tindakan terhadap haulier yang mengalami kerosakan berhampiran pintu masuk pelabuhan dalam tempoh 60 minit samada dibaiki ataupun ditunda.


4. Namun, pemerhatian yang dilakukan mendapati kerosakan lori/haulier bukan sahaja berlaku berhampiran pintu masuk pelabuhan tetapi juga di Lebuhraya Pulau Indah dan laluan Pelabuhan Utara. Maka pihak Lembaga bersama AMH telah mengambil keputusan untuk menubuhkan *Traffic Response Team* Pelabuhan Klang serta meluaskan skop perkhidmatan lori penunda bagi bertindak dilokasi/jalan-jalan ini.
5. Objektif utama penubuhan *Traffic Responce Team* Pelabuhan Klang ini adalah bagi menyelaraskan tindakan serta pemulihan yang cepat dan berkesan terhadap sesuatu kemalangan atau kerosakan kenderaan logistik yang menyebabkan kesesakan trafik yang teruk.
6. LPK juga telah menyediakan talian bantuan bagi menjawab sebarang pertanyaan (Lampiran 1) serta akan menggunakan *whatsapp group* yang sedia ada (*Whatsapp Group- Info Trafik Pel. Klang*) bagi pasukan bertindak (*response team*) ini.
7. *Traffic Response Team* Pelabuhan Klang ini akan diaktifkan mulai **20 Jun 2021** dan bersama ini disertakan Prosedur *Traffic Response Team* Pelabuhan Klang (Lampiran 2) untuk perhatian serta tindakan YBhg. Dato'/Tuan/Puan.
8. Segala kerjasama YBhg. Dato'/Tuan/Puan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului ucapan terima kasih.

Sekian.

**“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”**

**“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(KAPT K. SUBRAMANIAM)**  
Pengurus Besar  
Lembaga Pelabuhan Kelang

**LAMPIRAN 1**

JABATAN	PEGAWAI BERTANGGUNGJAWAB	NO. TELEFON/E-MEL UNTUK DIHUBUNGI
<b>Keselamatan</b>	DSP/PB Murali Raj a/l Devaraja	<b>Tel. Pejabat :</b> 03-31688211 samb. 2106 <a href="mailto:muraliraj@pka.gov.my">muraliraj@pka.gov.my</a>
	INSP/PB Mohd Helmi Bin Mazlan	<b>Tel. Pejabat :</b> 03-31688211 samb. 2052 <b>E-mel:</b> <a href="mailto:mohdhelmi@pka.gov.my">mohdhelmi@pka.gov.my</a>
	INSP/PB Syed Khalid Bin Syed Mohamad	<b>Tel. Pejabat :</b> 03-31688211 samb. 2049 <b>E-mel:</b> <a href="mailto:syedkhalid@pka.gov.my">syedkhalid@pka.gov.my</a>
	Helpdesk Jabatan Keselamatan	<b>Tel. Bimbit:</b> 012-3312477 <b>E-mel:</b> <a href="mailto:keselamatan@pka.gov.my">keselamatan@pka.gov.my</a>

## PROSEDUR *TRAFFIC RESPONSE TEAM* PELABUHAN KLANG

### 1.0 OBJEKTIF

- Bagi menyampaikan maklumat kepada agensi / pihak berkaitan dengan serta-merta sekiranya berlaku kemalangan dan kerosakan kenderaan;
- Bagi memudahcara tindakan bersepadu, cepat dan berkesan ke atas kemalangan dan kerosakan kenderaan oleh semua agensi / pihak berkaitan; dan
- Bagi memastikan aliran trafik diuruskan secara teratur serta lancar disepanjang jalan menghala ke pelabuhan sekiranya berlaku kemalangan dan kerosakan kenderaan.

### 2.0 SKOP

- *Traffic Response Team* ini diwujudkan bagi menyelaraskan tindakan serta pemulihan yang cepat dan berkesan terhadap sesuatu kemalangan atau kerosakan kenderaan logistik yang menyebabkan kesesakan trafik yang teruk di laluan utama yang menyambungkan ke Pelabuhan Barat (Westport) dan Pelabuhan Utara (Northport) seperti berikut:
  - Lebuhraya Pulau Indah
  - Lebuhraya Grand Sepadu
  - Jalan Pelabuhan Utara
  - Jalan Kem

### 3.0 AGENSI / PIHAK YANG TERLIBAT

1. Lembaga Pelabuhan Kelang
2. Westports Malaysia Sdn Bhd
3. Northport (M) Bhd
4. Port Klang Free Zone Sdn Bhd (PKFZ)
5. Bahagian Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik - Ibu Pejabat Polis Daerah Klang Selatan
6. Bahagian Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik - Ibu Pejabat Polis Daerah Klang Utara
7. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia – Pelabuhan Klang
8. Hospital Tengku Ampuan Rahimah
9. Jabatan Pertahanan Awam Malaysia
10. Jabatan Pengangkutan Jalan – Selangor
11. Lembaga Lebuhraya Malaysia
12. Majlis Perbandaran Klang - Penguatkuasa
13. Kontraktor
14. Syarikat Tunda


## 5.0 PROSES KERJA TINDAKAN (KEMALANGAN)

- Menerima maklumat berhubung kemalangan yang berlaku melalui aplikasi *Whatsapp Group – Info Trafik Pelabuhan Klang*.

*Jika berlaku kemalangan maut / cedera parah maka perlu maklumkan segera melalui talian kecemasan 999 (Polis/Ambulans/Bomba)*

- Pegawai Trafik PDRM hadir ke lokasi bagi mengawal aliran trafik.
- Pihak Polis Bantuan (Westports/Northport) hadir bersama di lokasi kejadian untuk mendapatkan maklumat lanjut berhubung kemalangan tersebut.
- Jika melibatkan kemalangan yang kecil maka pemilik kenderaan harus mengalihkan kenderaan dalam masa 60 minit.
- Jika melibatkan kemalangan dan kesesakan yang major maka kontra flow akan diaktifkan oleh Polis Bantuan (Westports / Northport) dan kenderaan yang terlibat akan dialihkan dengan arahan Pegawai Trafik PDRM.
- Setelah dialihkan, perlu buat pelaporan semula dalam aplikasi *Whatsapp Group – Info Trafik Pelabuhan Klang*.


## CARTA ALIRAN TINDAKAN (KEMALANGAN)



## 6.0 PROSES KERJA TINDAKAN (KEROSAKAN)

- Menerima maklumat berhubung kerosakan kenderaan yang berlaku melalui aplikasi *Whatsapp Group – Info Trafik Pelabuhan Klang*.
- Pihak Polis Bantuan Westports/Northport hadir di lokasi kejadian untuk mendapatkan maklumat kenderaan yang rosak.
- Pemilik kenderaan harus mengalihkan atau mengambil tindakan membaik pulih kenderaan dalam masa 60 minit.
- Sekiranya kenderaan tidak dialihkan maka Agensi Penguatkuasa berkaitan (PDRM /JPJ /LLM), LPK atau syarikat konsesi (jika berkaitan) akan mengarahkan syarikat tunda yang dilantik untuk mengalihkan kenderaan.
- Setelah dialihkan, perlu buat pelaporan semula dalam aplikasi *Whatsapp Group – Info Trafik Pelabuhan Klang*.

## CARTA ALIRAN TINDAKAN (KEROSAKAN)





**Nota:-**

- Maklumat syarikat tunda:-

AV Crane Services & Workshop  
No. 21 Jalan Solok Abdul Hamid 5A  
Taman Sentosa  
41200 Klang

En. Ramesh  
Tel. Bimbit: 016-3647924, 016-2427924, 012-2407924  
E-mel: [psanthanan@yahoo.com](mailto:psanthanan@yahoo.com)

- Caj perkhidmatan tunda:-

Lokasi	Dengan Muatan/Trailer 20" & 40"	Tanpa Muatan 20" & 40"
Tarik ke kawasan lapang	RM 450.00	RM 350.00

- Syarikat tunda akan mengeluarkan inbois terus kepada syarikat haulier terbabit.
- Syarikat berkaitan harus membayar caj berkaitan dalam masa 14 hari dari tarikh inbois dan sekiranya gagal maka haulier tersebut tidak akan dibenarkan memasuki pelabuhan.

## **SALINAN KEPADA**

- i. Ketua Polis Daerah  
Ibu Pejabat Polis Daerah Klang Selatan  
Jalan Gedung Raja Abdullah  
**41000 KLANG**  
(u/p: YDH ACP Shamsul Amar Bin Ramli) **No. Faks: 03-33736470**
- ii. Ketua Polis Daerah  
Ibu Pejabat Polis Daerah Klang Utara  
Jalan Harapan  
3A/KU7 Taman Sg Kapar Indah  
**42200, KAPAR KLANG**  
(u/p: YDH ACP Nurul Huda Bt. Mohd Salleh) **No. Faks: 03-32905861**
- iii. Unit Kecemasan dan Trauma  
Hospital Tengku Ampuan Rahimah  
Jalan Langat  
**41200 KLANG** **No. Faks: 03-33771962**
- iv. Ketua Balai  
Balai Bomba dan Penyelamat  
Pelabuhan Klang  
Persiaran Raja Muda Musa  
**42000 PELABUHAN KLANG** **No. Faks: 03-31651092**
- v. Pegawai Pertahanan Awam Daerah  
Pejabat Daerah Pertahanan Awam Klang,  
139, Kompleks Puspada,  
Jalan Raya Barat **No. Tel: 03-3371 5921/5487**  
**41000 KLANG, SELANGOR** **No. Faks: 03-3374 9305**
- vi. Yang Dipertua  
Majlis Perbandaran Klang  
Jalan Perbandaran **No. Tel: 03-33715882**  
**41005 KLANG** **No. Faks: 03-33720344**  
(u.p : En. Shahrul Hazri Bin Hj. Abdul Majid)
- vii. Pengarah  
Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri Selangor  
Jalan Padang Jawa  
**40620 SHAH ALAM** **No. Tel: 03-55669555**  
(u/p: Tn. Nazli Bin Md Taib) **No. Faks: 03-55432202**

- viii. Pengurus Kanan  
Keselamatan dan Bomba  
Westports (M) Sdn. Bhd  
Peti Surat 226, Pelabuhan Barat  
Pulau Indah  
**42009 PELABUHAN KLANG**  
(u/p: DSP (B) Ananthan Rajoo) **No. Faks: 03-31694128**
- ix. Jabatan Polis Bantuan.  
Northport (Malaysia) Bhd,  
Blok B, Jalan Parang,  
Jalan Pelabuhan Utara,  
**42009 PELABUHAN KLANG**  
(u/p: Tn. Sudirman Bin Tamma ) **No. Faks: 03-31698964**
- x. Port Klang Free Zone Sdn Bhd  
Jalan FZ2-P5/KS 12  
Port Klang Free Zone  
**42920 PULAU INDAH**  
(u/p: En. Loh Chee Can) **No. Faks: 03-31014096**
- xi. Presiden  
**ASSOCIATION OF MALAYSIAN HAULIERS**  
No. 88-B-2, Lebuhr Beringin  
**42000 PELABUHAN KLANG**  
(u/p: En. Muhamad Azuan Bin Masud) **No. Faks: 03-31682622**
- xii. Pintas Utama Sdn Bhd  
No. 21, Jalan Sg. Burung W32/W  
Bukit Rimau,  
**46460 SHAH ALAM**  
(u/p: En. Rahmat Hidayat B. Mohamed) **No. Faks: 03-51248020**
- xiii. Widad Builders Sdn Bhd  
75-A Suite 1,  
Lintang Sultan Mohamed 1B,  
Bandar Sultan Suleiman,  
**42000 PELABUHAN KLANG**  
(u/p: En. Ammeran Bin Amir) **No. Faks: 03-51248020**